

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 27 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8383

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan dan apa tindakan yang akan diambil terhadap puak-puak yang memijak gambar YAB Pekan dan Ahli UMNO yang membakar patung dengan gambar YB Bagan dan YB Gelang Patah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Manjoi Report 635/15, kertas siasatan 2002/15 di bawah seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan atas perlakuan memijak gambar YAB Pekan dan YB Marang. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 17 September 2015 untuk arahan selanjutnya.

Bagi perlakuan membakar patung YB Gelang Patah dan YB Bagan, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Kota Bahru report 18755/ 15, kertas siasatan 1881/15 di bawah seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya pada 13 Oktober 2015 untuk arahan lanjut.